

## **SYARAT-SYARAT MEMOHON PENDAHULUAN PINJAMAN PELAJARAN MARA**

1. Sila ambil borang di Pejabat Mara yang berdekatan dengan rumah anda. Borang tersebut perlulah dihantar ke Pejabat Mara yang berdekatan selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas mendaftar.
2. Pinjaman pendahuluan ini diberikan kepada pelajar yang diterima dan pertama kali mendaftar diri memasuki Institut Pengajian Tinggi Swasta Tempatan serta belum pernah mendapat pinjaman pendahuluan MARA.
3. Pendapatan kasar bulanan ibubapa tidak melebihi RM 4,000.00 sebulan. Bagi pendapatan yang melebihi RM 4,000.00, sila hubungi cawangan Mara yang berhampiran untuk mengetahui status kelayakan.
4. Hanya diberikan kepada warganegara Malaysia dari keturunan Melayu atau Bumiputera lain.
5. Pelajar perlu mendapatkan **SURAT TAWARAN YANG SEBENAR** (tertera tarikh pengambilan sebenar) yang diperolehi selepas membuat pembayaran pendahuluan pendaftaran (RM 200.00). Pihak MARA **HANYA** akan meluluskan Wang Pendahuluan Pinjaman Pelajaran MARA bagi pelajar yang mengemukakan **SURAT TAWARAN YANG SEBENAR** sahaja.
6. Jumlah maksimum yang akan diluluskan oleh pihak Mara adalah RM 1,500.00. **PEMBERIAN WANG PENDAHULUAN PINJAMAN INI ADALAH TERHAD, TERTAKLUK KEPADA PERUNTUKAN YANG ADA (1ST COME 1ST SERVE).**
7. Dijamin oleh ibubapa / penjaga atau seorang penjamin yang berumur 21 tahun keatas dengan pendapatan RM 500.00 sebulan.